

# AXCEL LAMIVUDINE-100mg TABLET

Lamivudine (100mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
2. Bagaimana Axcel Lamivudine-100mg Tablet berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
6. Kesan-sesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Lamivudine-100mg Tablet

Axcel Lamivudine-100mg Tablet digunakan bagi merawat jangkitan *Human Immunodeficiency Virus (HIV)*.

## Bagaimana axcel lamivudine-100mg tablet berfungsi

Axcel Lamivudine-100mg Tablet mengandungi antiretrovirus yang dipanggil Lamivudine sebagai bahan aktif. Lamivudine adalah *nucleoside reverse transcriptase inhibitor* yang digunakan untuk merawat retrovirus seperti HIV.

## Sebelum menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet

### Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif pada Lamivudine atau komponen dalam produk ini.
- Jika produk ini bukan dipreskripsi oleh doktor yang bertauliah kepada anda.
- Jangan ambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Wanita yang positif HIV juga tidak boleh menyusukan bayi, kerana jangkitan HIV boleh

dipindahkan kepada bayi melalui susu ibu.

### Sebelum mula menggunakan

Sebelum mengambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet anda perlu memaklumkan kepada doktor:

- Jika anda menghidapi masalah hati atau mempunyai risiko penyakit hati.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Trimethoprim, sulphamethoxazole, zidovudine, cyclosporine A dan zalcitabine.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet dan ubat-ubat tersenarai di atas. Doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Dapatkan nasihat doktor anda sebelum anda memulakan apa-apa ubat baru termasuk makanan tambahan kesihatan dan produk herba. Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai senarai yang lebih lengkap dan terperinci tentang ubat-ubatan yang boleh berinteraksi dengan lamivudine jika diambil bersama-sama.

## Cara menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.

### Bagi jangkitan HIV:

300mg satu kali sehari, dengan campuran antiretroviral yang lain.

### Bagi masalah buah pinggang:

Doktor mungkin akan mengurangkan dos jika buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik.

### Bagi masalah hati:

Dos tidak berubah bagi pesakit yang menghidapi masalah hati kecuali bersama dengan masalah buah pinggang.

### Bila perlu digunakan

Ambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet sekali sehari, dengan atau tanpa makanan.

### Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Lamivudine-100mg Tablet berlebihan atau pergi ke hospital yang terdekat dengan anda kerana anda mungkin memerlukan rawatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Lamivudine-100mg Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

# AXCEL LAMIVUDINE-100mg TABLET

Lamivudine (100mg)

- Jangan berkongsi Axcel Lamivudine-100mg Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Axcel Lamivudine-100mg Tablet memberi kesan kepada anda.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Axcel Lamivudine-100mg boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Kelesuan dan keletihan.
- Jangkitan saluran pernafasan.
- Sakit kepala.
- Ketidakselesaan dan kesakitan abdomen.
- Rasa loya.
- Muntah-muntah dan cirit-birit.

Terdapat juga laporan kesan-kesan sampingan seperti di bawah:

- Radang pankreas.
- Rasa kesemutan dan cucukan halus yang luar biasa (Paresthesia).
- Peningkatan asid laktik dalam badan (asidosis laktik), biasanya dikaitkan dengan pembesaran hati yang teruk dan hati berlemak.

Jika anda menghadapi sebarang kesan sampingan lain yang tiada dalam senarai ini atau jika anda tidak pasti masalah yang menjelaskan anda, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Lamivudine-100mg Tablet**

##### Penyimpanan

Jauhkan Axcel Lamivudine-100mg Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

##### Pelupusan

Jangan guna Axcel Lamivudine-100mg Tablet yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### Rupa dan warna produk

Axcel Lamivudine-100mg Tablet merupakan tablet berwarna *butterscotch*, berbentuk bujur dwicembung dan mempunyai lapisan film.

##### Bahan-bahan kandungan

###### *Bahan Aktif:*

Lamivudine

###### *Bahan Tidak Aktif:*

Microcrystalline Cellulose PH102, Sodium Starch Glycollate, Colloidal Silicon Dioxide, Magnesium Sterate, Opadry II Orange dan Purified water.

##### Nombor MAL

MAL12060008AZ

#### **Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

12/10/2015

#### **Nombor Siri**

BPK(R4/1)121015/00355